

U B547 AAB

MAHATHIR - ROCK

(I)

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KONSERT ROCK MASIH BOLEH DITAYANGKAN MELALUI TV DAN PEMUZIK ROCK BOLEH MENGADAKAN PERTUNJUKAN DI TEMPAT TERTENTU TETAPI PENGHARAMAN PERTUNJUKAN DI TEMPAT AWAM BERKUATKUASA.

+PADA UMUMNYA KITA TIDAKLAH MENENTANG MUZIK ROCK. ORANG RAMAI BOLEH MENDENGAR MUZIK ROCK DI RUMAH MEREKA. TETAPI APABILA PERTUNJUKAN UMUM DIADAKAN, SESETENGAH ANAK MUDA BERKELAKUAN LIAR DAN TINGKAH-LAKU MEREKA LANGSUNG TIDAK MENCERMINKAN KEPERIBADIAN RAKYAT MALAYSIA.+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA BAHAWA KERANA INILAH KERAJAAN BERPENDAPAT SUDAH TIBA MASANYA KONSERT SEUMPAMA ITU DIHARAMKAN.

PERDANA MENTERI YANG BARU SAHAJA PULANG SEMALAM SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM) DI HARARE MENGULAS ARAHAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI KEPADA POLIS JANGAN MEMBERI PERMIT BAGI KONSERT ROCK DI SELURUH NEGARA.

ARAHAN ITU EKORAN KEKACAUAN SEMASA KONSERT ROCK +BATTLE OF THE BANDS+ DI PULAU PINANG BARU-BARU INI. -- LAGI
1347MST 08 09 86

U B548 AAB

MAHATHIR - ROCK 2 KUALA LUMPUR

(I)

KESATUAN PEMUZIK SEMENANJUNG MALAYSIA MENYERU PIHAK BERKENAAN MENIMBANG SEMULA PENGHARAMAN KERANA MENDAKWA LANGKAH ITU MENJEJASKAN MATA PENCARIAN KEBANYAKAN PEMUZIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU TIDAK MENJEJASKAN MATA PENCARIAN PEMUZIK KERANA MEMANDANGKAN MEREKA MASIH BOLEH MENGADAKAN PERSEMBAHAN DI TEMPAT TERTENTU SEPERTI KELAB MALAM.

+MALAYSIA TIDAK AKAN MUNDUR TANPA MUZIK ROCK DAN PARA PEMUZIK TIDAKLAH AKAN TERUK TERJEJAS.+

+YANG KITA HARAMKAN IALAH KONSERT ROCK DI TEMPAT AWAM APABILA ANAK-ANAK MUDA BERKELAKUAN SEOLAH-OLAH TIDAK LAGI BERFIKIRAN WARAS DAN KELAKUAN SEPERTI INI BUKANLAH SEBAHAGIAN CIRI BUDAYA KITA,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI SAMA ADA PERSEMBAHAN KONSERT ROCK MELALUI TV MEMBAWA KESAN BURUK KEPADA ANAK MUDA, BELIAU BERKATA +TV MENYIARKAN BANYAK RANCANGAN BERBENTUK PENDIDIKAN DAN KEMASYARAKATAN KE ARAH PEMUPUKAN SEMANGAT KEJIRANAN DAN MUHIBAH TETAPI ORANG RAMAI TIDAK MENGAMALKANNYA.+ -- LAGI

1402MST 08 09 86

U B550 AAB

MAHATHIR - ROCK 3 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA PENGARUH LIAR YANG MERESAP DI KALANGAN ANAK MUDA BUKANLAH KERANA PERTUNJUKAN MUZIK ROCK MENERUSI TV TETAPI KERANA MEREKA SUKA MENIRU APA YANG DILAKUKAN OLEH ORANG BARAT.

KATANYA, +TV MASIH BOLEH MENYIARKAN MUZIK ROCK TETAPI WALAU BAGAIMANAPUN, SAYA BERPENDAPAT ORANG RAMAI TIDAK SEHARUSNYA MENDENGAR MUZIK ROCK KERANA SAYA TIDAK DAPAT MENDENGAR APA YANG DINYANYIKAN OLEH PENYANYINYA DAN KADANG-KALA LAGU DISELITKAN DENGAN PERKATAAN LUCAH,+ KATA BELIAU. -- BERNAMA

1409MST 08 09 86